

Jenazah ibu PM dikebumikan

4 FEB 2004
Oleh ZULKIFLI JALIL
dan SAHBULLAH DARWI

KEPALA BATAS 3 Feb. — Jenazah Allahyarham Datuk Kailan Hassan, 79, ibu Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selamat dikuburkan di pekaraangan Masjid Al-Jamiul Badawi di sinipada pukul 3.30 petang ini.

Allahyarham yang meninggal dunia pada pukul 5.10 petang semalam setelah demam sejak tiga hari lepas, diaemadikan sebelah pusarabapamertuanya, Allahyarham Abdullah Fahim yang juga berdekatan pusara suaminya, Allahyarham Ahmad Badawi.

Sebelum itu, Abdullah dan 1,000 jemaah menyertai sembahyang jenazah di Masjid Al-Jamiul Badawi yang diimamkan oleh imam masjid itu, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar.

● Laporan, gambar — Muka 2 & 3

Abdullah yang juga anak sulung Allahyarham kelihatan menitikkan air mata ketika talkin dibacakan oleh Mufti Pulau Pinang, Datuk Hassan Ahmad.

Perdana Menteri kemudian menyiram air mawar di pusara yang diikuti oleh ketiga-tiga adiknya iaitu Aminah, 60. Datuk

Ibrahim, 57, dan Mohd. Tahir, 50, serta kaum keluarga terdekat.

Turut berada di sisi Abdullah ialah dua anaknya, Kamaluddin dan Nory.

Isteri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmood tidak dapat hadir kerana menjalani rawatan perubatan di luar negara sejak minggu lepas.

Terdahulu, jenazah dimandi dan dikafankan di rumah Allahyarham di Jalan Perak pada pukul 10 pagi ini.

Abdullah yang kelihatan tenang, menerima kunjungan sebahagian besar Menteri Kabinet, para pemimpin negeri dan parti-

■ Lihat muka 4

Jenazah ibu PM dikebumikan ✓

parti politik serta kenalan terdekat yang mengucapkan takziah kepada beliau.

Sementara itu Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid tiba pada pukul 1.55 petang.

Seri Paduka berdua menyampaikan ucapan takziah kepada Abdullah sebelum memberi penghormatan terakhir kepada jenazah ibunya di tingkat atas rumah dua tingkat itu.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor tiba pada 1.35 petang untuk memberi penghormatan terakhir mereka.

Beliau dan isteri turut membacakan surah Yassin untuk Allahyarham.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali turut memberi penghormatan terakhir kepada ibu Perdana Menteri.

Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah yang tiba pada pukul 2.40 petang turut membacakan doa untuk Allahyarham Kailan.

Selain itu, Duta Besar Indonesia ke Malaysia, KPH Rusdihardjo dan wakil kedutaan Timor Leste turut menziarah.

Tidak ketinggalan pemimpin-pemimpin

parti pembangkang termasuklah Presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa dan bekas Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar.

Sejak petang semalam, pekaraangan rumah pusaka Abdullah di Jalan Perak itu dibanjiri oleh kira-kira 10,000 orang dari pelbagai lapisan masyarakat; daripada rakyat biasa, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin politik.

Selain penduduk Pulau Pinang, orang ramai dari Kedah dan Perak juga datang memberi penghormatan terakhir selepas berita pemergian Allahyarham tersebar di media elektronik.

Sementara itu polis mengawasi laluan masuk ke kediaman keluarga Abdullah. Laluan dari Jalan Maju ke Jalan Perak ditutup kepada kenderaan bagi melancarkan lalu lintas.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara Asisten Komisioner Mohd. Sharif Hassan berkata, seramai 250 anggota keselamatan termasuk Polis Trafik dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) mula bertugas sejak pukul 5.30 petang semalam sehingga 5 petang ini.